



Kumpul input idea belia

SAIFUDDIN ketika sesi dialog bersama belia mengenai kos sara hidup belia di kementeriannya, semalam.

Sesi dialog bawa suara orang muda tangani isu kos sara hidup

Mohd Husni Mohd Noor
 mhusni@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengadakan dialog dengan wakil belia membatikan 41 gabungan belia seluruh negara yang bernaung di bawah Majlis Belia Malaysia (MBM).

ni isu kos sara hidup. Beliau berkata, menerusi dialog itu, pelbagai persoalan dan cadangan dilontarkan.

"Sesi dialog disertai lebih 300 belia membatikan 41 gabungan belia seluruh negara yang bernaung di bawah Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara dipengerusikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Saya sangat teruja dan terkesan dengan pandangan serta persoalan disampaikan mereka. Justeru, saya mencadangkan kepada MBM ini-siatif sama dilaksanakan di peringkat negeri.

"Melalui cara ini, isu ke-penggunaan dan kos sara hidup dapat diperluaskan terutama membabitkan belia," katanya selepas sesi dialog berkenaan.

Katanya, sebagai komitmen kerajaan membawa-

suara belia bersama menangani isu kos sara hidup, KPDNHEP turut menyeraikan Presiden MBM, Jufitri Joha bagi menganggotai Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara dipengerusikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Saifuddin berkata, sebagai sekretariat dalam majlis berkenaan, pihaknya dalam proses menyeraikan wakil Majlis Belia Felda.

"Ini bukti kesungguhan kementerian yang melihat potensi dan sumbangan wakil belia di peringkat jawatan kuasa tertinggi diwujudkan kerajaan," katanya.

Pada masa sama, Saifuddin berkata, antara isu dibangkitkan belia dalam sesi dialog berkenaan ialah ber-

kaitan pemilikan rumah di mana mereka mahu kerajaan memainkan peranan dalam mengawal selia harga rumah supaya tidak hanya ditentukan oleh faktor lain.

"Mereka juga merasakan sistem data dalam program Food Bank di 11 universiti dilaksanakan KPDNHEP ketika ini lebih fleksibel iaitu turut memasukkan golongan M40 daripada keluarga besar supaya kelompok ini tidak tertinggal."

"Selain itu, ada cadangan subsidi kerajaan bukan saja diterima pengguna, malah bermula di peringkat sumber bagi memastikan harga akhir barang pengguna tidak membebankan rakyat. Saya berjanji akan meneliti cadangan itu," katanya.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, sesi berkenaan membolehkan KPDNHEP menjelaskan dasar serta ini-siatif yang dilaksanakan khususnya dalam menanga-